

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HENRY SUM AGONG [ LAWAS ]**

**TARIKH : 27 NOVEMBER 2019 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa buah sekolah daif di kawasan Parlimen Lawas yang akan dipulihkan dan dibina semula dan berapakah peruntukan yang disenaraikan untuk tujuan ini pada tahun hadapan 2020.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga kini, terdapat 10 buah sekolah daif di Parlimen Lawas yang telah dinaik taraf dan dibangunkan semula dengan kos projek berjumlah RM72.83 juta. Projek tersebut meliputi satu (1) projek yang dilaksanakan pada tahun 2017, lapan (8) projek yang dilaksanakan pada tahun 2018 dan 1 projek yang dilaksanakan pada tahun 2019. Antara sekolah yang terlibat dalam projek pembangunan ini ialah SK Kg Lintang, SK Merapok, SK Punang, SK Siang-Siang, SK Long Tengoa, SK Ulu Merapok, SK Batu Lima, SK Kerangan, SK Kuala Lawas dan Sekolah Kebangsaan Trusan. Projek-projek ini merangkumi skop pembinaan blok pentadbiran, dewan terbuka, bilik darjah, bilik sains, tandas dan rumah guru.

Bagi projek pembangunan semula dan menaiktaraf sekolah-sekolah daif di dalam RP4, RMKe-11 Tahun 2020, khusus di Parlimen Lawas, satu (1) projek telah dimohon dan berada dalam senarai pertimbangan kelulusan MEA iaitu SK Long Sebangan. Pada masa yang sama, SK Bario juga telah disenaraikan dalam senarai projek yang dicadangkan di dalam Peruntukan RM1 billion Bagi Penyelenggaraan Sekolah Daif Sarawak (Fasa 1).

Sekian, terima kasih.